

12/06/2003

'Datuk Onn elak nasib kita seperti Palestin'

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Buku Reflections of Pre-Independence Malaya yang dilancarkan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengisahkan kenangan penulisnya berhubung saat bersejarah yang membabitkan pengasas negara, terutama Datuk Onn Jaafar.

Malah, buku yang ditulis anak kelahiran Johor, Datuk Mohamed Abid itu, sebenarnya terhasil daripada galakan Dr Mahathir sendiri yang pernah mendengar penulis menceritakan kisah masa kecil serta kehidupan yang dilaluinya bersama Onn, seorang nasionalis, presiden pertama Umno dan anak

Johor yang terulung.

Rakaman pengalaman peribadi dan pemerhatian dekat Mohamed itu sungguh bermakna serta tidak dapat ditemui atau dibaca dalam buku sejarah.

Memandangkan pengalaman itu tidak ternilai dan bagi memastikan saat bersejarah itu tidak dilupakan begitu saja, Mohamed menyambut saranan Dr Mahathir untuk menghasilkan buku berkenaan.

Perdana Menteri akan melancarkan buku itu di Hotel Marriott Putrajaya.

Dalam kata pengantarnya, Dr Mahathir menyanjung Onn dan berkata beliau adalah tokoh utama dalam perjuangan bersejarah Umno dan Melayu pertama diterima oleh seluruh orang Melayu di Semenanjung.

Perdana Menteri berkata, pencapaian itu bukan sesuatu yang mudah kerana

pada ketika itu bangsa Melayu lebih mengutamakan negara dan pemimpin daripada bangsa sendiri.

"Datuk Onn berjaya mengubah keadaan ini. Beliau menjadi pemimpin Melayu

pertama yang diterima semua masyarakat Melayu.

"Selain itu, beliau juga berjaya menghalang British daripada merampas tanah orang Melayu seperti yang dilakukan terhadap rakyat Palestin.

"Allah saja yang tahu peperangan apa, perbuatan jenayah apa dan 'keganasan' apa yang perlu dilakukan orang Melayu jika tanah mereka dirampas. Datuk Onn membantu menyelamatkan negara ini daripada ditimpa nasib seperti Palestin," katanya.

Perdana Menteri berkata, buku itu perlu dibaca oleh mereka yang ingin mengetahui mengenai Onn, yang pada zaman kegelapan orang Melayu dan negara, muncul untuk menyatukan dan mendorong mereka menentang satu daripada rancangan yang tidak bertimbang rasa yang disusun penjajah Eropah

yang boleh menyebabkan peperangan tragik dan penderitaan berterusan.

"Buku ini ditulis berdasarkan pengalaman peribadi orang yang rapat dengan Datuk Onn dan menerusnya, orang Melayu dan rakyat Malaysia boleh belajar siapakah sebenarnya tokoh berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Mohamed adalah orang yang melihat sendiri banyak kejadian yang berlaku dalam kehidupan Onn kerana beliau adalah sebahagian

daripada ahli rumah sehingga beliau berhijrah ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan pengajiannya pada Ogos 1961.

Sungguhpun begitu, Mohamed sering berulang alik ke Johor Bahru untuk

bersama dengan Onn yang tidak sihat ketika itu sehinggalah kematiannya pada Januari 1962.

Buku itu turut memuatkan pelbagai gambar bersejarah sepanjang hayat Onn.

Gambar Onn bersama isterinya, Datin Halimah Hussein menghiasi bahagian kulit buku berkenaan. Buku itu juga memaparkan 18 teks ucapan Onn mulai 1946 hingga 1951.

Buku itu menceritakan mengenai orang yang dikenali Mohamed dan sesuai dengan judulnya, sembilan bab menceritakan mengenai diri dan peristiwa membabitkan mereka.

Bermula dengan bab pertama mengenai Onn, keluarga dan rakannya, Mohamed meneruskan penulisannya pada bab dua mengenai Halimah yang juga neneknya.

(Datuk kepada Mohamed, iaitu Muhammad, adalah adik Onn. Apabila beliau meninggal, Onn mengahwini balunya, Halimah.)

Mohamed turut menceritakan detik dan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn; Datuk Mohd Seth Mohd Said, Prof Dr Syed Muhammad

Naquib Al-Attas; Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman; Gabenor Jeneral Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi Britain, Sir Gerald Templer

dan Datin Paduka Siti Saleha Mohamed Ali, kakak Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Sesungguhnya Reflections of Pre-Independence Malaya itu walaupun dihasilkan oleh orang yang tidak pernah memegang sebarang jawatan tinggi dalam Umno, namun tetap berpeluang memerhati dengan dekat peristiwa sewaktu tempoh penubuhan Umno.